

Pemimpin2 PAS disifat Pak Pandir

Oleh JAMALUDDIN BAKAR

KUALA LUMPUR, Ahad — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mensifatkan pemimpin-pemimpin PAS sebagai "Pak Pandir" kerana mereka ditipu oleh DAP dalam pakatan sulit untuk memecahkan undi orang Melayu dalam pilihanraya ini.

Perdana Menteri berkata, ini terbukti dengan jumlah calon yang diletakkan oleh DAP di kawasan majoriti pengundi Melayu hanya 22 orang sahaja manakala PAS meletakkan 69 calon di kawasan minoriti pengundi Melayu.

"Berdasarkan angka ini, bererti setiap satu kerusi yang diberi oleh DAP, PAS terpaksa membayar 'hutang' tiga kerusi.

"Ini menunjukkan pemimpin PAS tidak tahu kira-kira dan seperti Pak Pandir moden bermegah-megah kononnya mendapat untung tetapi sebenarnya rugi," tegas beliau ketika berucap memperkenalkan calon

Barisan Nasional kerusi Parlimen Damansara, Encik Tan Koon Swan di Kampung Kerinchi di sini, malam tadi.

Seramai 2,000 penyokong Barisan Nasional dari UMNO membantiri Dewan Sekolah Sri Pantai Kampung Kerinci untuk mendengar amanat Datuk Seri Dr. Mahathir tersebut.

Berkokok

Pengerusi Barisan Nasional itu menegaskan, tindakan PAS itu amat memalukan kerana ia tidak langsung memikirkan nasib orang ramai tetapi hanya mementingkan diri sendiri semata-mata.

Menurutnya, mereka itu (pembangkang) bukannya bertanding untuk berjuang untuk kepentingan rakyat tetapi hanya untuk mendapat kerusi bagi mendapat elaun semata-mata.

"Mereka juga hanya pandai berkokok semata-mata dan mengkritik kerajaan tetapi bila di-

suruh buat, tidak tahu membuat," jelasnya.

"Pembangkang hanya pandal berjanji sahaja, tidak lebih dari itu," katanya disambut dengan tepuk sorak hadirin.

Mengenai risalah yang disebarkan oleh calon DAP, Encik V. David yang mempersoalkan siapa Bumiputera, Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, calon DAP itu nampaknya kehilangan modal kerana mempersoalkan perkara yang telah diketahui oleh umum.

"Kita menolong Bumiputera kerana untuk meningkatkan sosio ekonomi mereka kerana jauh ketinggalan semasa zaman penjajah.

"Kerajaan terpaksa membuat garis-garis tertentu untuk menolong Bumiputera bagi memperbaiki taraf mereka," katanya.

Mengenai Barisan Nasional beliau berkata, ia ditubuhkan untuk mengurangkan politik di kalangan parti bagi kepentingan rakyat.

Menolak

"Kita mahu mereka itu menyelesaikan masalah negara ini melalui perundingan."

"Kita menggalakkan setiap parti menyertai BN termasuk PAS tetapi PAS bulat-bulat menolak tawaran tersebut," katanya.

Ini, katanya, bermakna PAS tidak mahu memperjuangkan untuk kepentingan rakyat tetapi hanya mahu memecahbelahkan perpaduan orang Melayu sahaja.

"Kami mahu PAS mahu masuk BN ini adalah semata-mata untuk mengelakkan orang Melayu sama Melayu berpecah ataupun antara orang Islam bertelingkah," tegas beliau.

Mengenai Encik Tan Koon Swan, Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, Encik Tan merupakan calon yang bertolak ansur dan pemilihannya dalam kawasan Damansara adalah penting kepada Barisan Nasional keseluruhannya.

Menurutnya, undi yang diberi kepada Encik Tan bermakna ia menolong beliau di Kubang Pasu.

"Ini disebabkan terdapat 7,000 undi bukan Melayu di Kubang Pasu dari 42,000 keseluruhannya."

"Jika orang Melayu di Damansara tidak mengundi Encik Tan maka sudah tentu orang Cina di Kubang Pasu tidak mengundi saya," jelas beliau.

Dengan demikian, katanya, adalah perlu orang-orang Melayu mengundi Encik Tan.

Datuk Seri Dr. Mahathir memuji Encik Tan kerana serba sedikit telah memberi sumbangan kepada Kerajaan mengenai cara-cara untuk menolong orang Melayu dalam per-

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

No. Siri 2575
No. Penerimaan 320/85